

Ruj. Kami : JKSKN.600-1/3/1(02)
 Takwim : 12 R'Akhir 1436
 Tarikh : 02 Februari 2015

Kepada;

Mahkamah Tinggi Syariah

Mahkamah Rendah Syariah

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YA/Tuan/Puan,

EDARAN SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2015

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015 berkenaan penjelasan mengenai pemakluman Hakim-Hakim Syarie kepada Orang Kena Tuduh (OKT) berhubung dengan khidmat nasihat dan bantuan guaman daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dalam kes Jenayah Syariah.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Salinan Surat Pekeliling tersebut untuk makluman dan perhatian YA/Tuan/Puan.

Kerjasama dan perhatian YA/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI, RAKYAT DILINDUNGI'

Saya yang menurut perintah;



(HAJI ZAINI BIN SULAIMAN)

KETUA PENDAFTAR

MAHKAMAH RAYUAN/TINGGI SYARIAH

NEGERI KELANTAN

s.k;

Dato' Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan



جائزہ کا کیمن شریعہ مالسیا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah / Mahkamah Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia



SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

BILANGAN 1 TAHUN 2015

**PENJELASAN MENGENAI PEMAKLUMAN HAKIM-HAKIM SYARIE KEPADA
ORANG KENA TUDUH (OKT) BERHUBUNG DENGAN KHIDMAT NASIHAT DAN
BANTUAN GUAMAN DARIPADA YAYASAN BANTUAN GUAMAN
KEBANGSAAN (YBGK) DALAM KES JENAYAH SYARIAH**

TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie ini adalah untuk menjelaskan tanggungjawab kepada Hakim-hakim Syarie untuk memaklumkan kepada Orang Kena Tuduh (OKT) mengenai khidmat nasihat dan bantuan guaman yang diberikan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dalam kes Jenayah Syariah.

LATAR BELAKANG

2. Tujuan penubuhan YBGK adalah untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam kes jenayah termasuk jenayah Syariah kepada semua warganegara Malaysia supaya mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya

sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (3) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

"5. (3) Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya."

3. Bantuan guaman dalam kes jenayah juga penting bagi memastikan semua pihak mendapat hak kesamarataan di sisi undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"8. (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang."

4. Justeru itu bagi perkhidmatan YBGK dalam kes jenayah Syariah, Mahkamah Syariah perlu memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan tujuan tersebut tercapai dengan membantu YBGK untuk memastikan OKT diwakili oleh peguam.

PELAKSANAAN

5. Pekeliling ini terpakai bagi kesalahan jenayah Syariah yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah di Negeri-negeri.

6. Hakim Syarie hendaklah bertanggungjawab memaklumkan kepada OKT bahawa mereka boleh mendapatkan khidmat bantuan guaman YBGK sekiranya OKT tidak diwakili oleh peguam.

TARIKH KUATKUASA

7. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

PENUTUP

8. YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri adalah dinasihatkan untuk menghubungi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SYARIAH ASAS KeadILAN”



(YAA TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

8 JANUARI 2015